

Ungkapan takziah para Uskup/Agung Malaysia atas pemergian Sri Paus Fransiskus: 1936-2025



Warisan Sri Paus Fransiskus akan terus hidup

KUALA LUMPUR: Sri Paus Fransiskus meninggal dunia pada hari Isnin, April 21, pukul 7.35 pagi (waktu Roma) sehari selepas umat Katolik seluruh dunia menyambut Hari Paskah. Berita kemangkatan Sri Paus Fransiskus, 88, diumumkan oleh Kardinal Kevin Farrell yang disiarkan melalui media Vatikan. Di Malaysia, para Uskup/Agung melahirkan rasa dukacita dan pilu serta mengungkapkan ucapan takziah kepada mendiang Sri Paus Fransiskus:

Uskup Agung Kuching, Dr Simon Poh mengatakan, kemangkatan Sri Paus Fransiskus merupakan kerugian global. Katanya, "Sri Paus Fransiskus mengingatkan kita bahawa sebagai paderi dan uskup, kita dipanggil untuk menjadi gembala yang berbau domba iaitu berjalan bersama umat yang diamankan kepada kita dengan kerendahan hati dan berbelas kasihan.

"Terima kasih Sri Paus Fransiskus atas berkat dan yakin – yang memperjuangkan persaudaraan manusia, keharmonian antara agama, menjaga penciptaan dan maruah pendatang dan yang terpinggir," ucap Uskup Agung Simon.

"Saya merenung kembali dan bersyukur atas pertemuan peribadi saya dengan Bapa Suci. Pertemuan pertama saya dengan Sri Paus Fransiskus adalah ketika beliau memanggil saya untuk mengucapkan terima kasih kerana menerima tanggungjawab sebagai Uskup Agung Kuala Lumpur pada tahun 2014," kata Uskup Agung Kuala Lumpur, Julian Leow.

"Saya telah bertemu dengan Bapa Suci beberapa kali di

Myanmar, Thailand, Singapura dan kali terakhir di Roma semasa Sinode pada Oktober tahun lepas. Meskipun hanya beberapa ketika tetapi Bapa Suci selalu membuat sesiapa sahaja berasa berharga dan memberi perhatian penuh kepada anda."

"Semoga warisan dan wawasannya hidup dalam diri kita khususnya dalam memperjuangkan semangat persaudaraan, keterangkuman dan sinodaliti dalam masyarakat hari ini," ucap Uskup Agung Julian.

Uskup Bernard Paul dari Keuskupan Melaka Johor mengatakan, "12 tahun kepeausannya telah didorong kuat oleh semangat dan misi. Dia lemah tetapi kuat di dalam Tuhan. Dia telah meninggalkan kita warisan iaitu:

1. Kehidupan dan kekuatan Gereja adalah persekutuan di dalam Tuhan, persekutuan kita dalam kebersamaan, perpaduan dan persahabatan sosial;
2. Relevan Gereja bergantung kepada mendengar, belajar dan dipimpin oleh Roh.
3. Misi yang tidak berubah dari Gereja adalah untuk semua yang dibaptis, semua pelayanan dan semua struktur untuk menjadi Berita Baik dan Harapan di mana-mana.

"Bapa Suci Fransiskus adalah saksi yang tidak kenal lelah terhadap rahmat Tuhan dan tidak berhenti memperjuangkan suara yang tidak didengari," kata Uskup Joseph Hii dari Sibiu.

"Bapa Suci telah berjalan dengan kerendahan hati, berkhutbah dengan sukacita dan hidup dengan cinta yang mendalam untuk semua ciptaan.

"Kehidupannya mencerminkan Injil dalam tindakan yang memanggil Gereja kepada tanggungjawab ekologi, perpaduan dengan golongan miskin dan komitmen yang diperbaharui terhadap martabat manusia."

Uskup Richard Ng dari Miri mengatakan, "Dua ciri cemer-

lang Sri Paus Fransiskus ialah kerendahan hati dan kemanusiaannya, terutama kedekatannya dengan mereka yang menderita.

Uskup Agung John Wong mengajak umat di Keuskupan Agung Kota Kinabalu agar menyertai umat Gereja Universal untuk berdoa bagi jiwa Sri Paus Fransiskus.

"Pada masa berkabung ini, kita dihiburkan oleh Roh Kudus tentang Bapa Suci Fransiskus yang kini bersama Bapa Syurga-wi yang telah memanggil beliau untuk memimpin Gereja-Nya selama 12 tahun yang lalu."

Uskup Keningau, Cornelius Piong menyatakan rasa dukacita terhadap pemergian abadi Sri Paus Fransiskus.

"Secara peribadi, saya bersyukur kerana beliau merupakan Sri Paus ketiga dalam pelayanan saya sebagai seorang Uskup.

"Fransiskus memberi banyak inspirasi dalam pelayanan saya, terutama apabila beliau menyimpulkan pelayanan seorang Uskup sebagai 'Gembala yang berbau domba'.

Mendiang Sri Paus Fransiskus juga sangat prihatin terhadap peranan Keluarga membangun Gereja, Masyarakat dan kesejahteraan 'rumah' kita bersama iaitu bumi.

"Terima kasih atas pelayanan sebagai Sri Paus Fransiskus selama 12 tahun. Semoga rohnya beristirahat dalam sukacita bersama Bapa di Syurga," ucap Uskup Cornelius Piong.

Uskup Sandakan, Julius Dusin Gitom, bagi pihak para paderi, diakon, religius, seminarian dan umat, menyampaikan ucapan takziah kepada Nunsio Apsotolik ke Malaysia, Uskup Agung Wojciech Zaluski.

"Ketika kita berkabung dengan umat Tuhan di seluruh dunia dalam meratapi Sri Paus Fransiskus yang dikasihi, berterima kasihlah dalam doa atas kebaikan kehidupan dan kepimpinannya sebagai gembala Gereja Sejagat. Semoga Tuhan memberinya rehat abadi di dalam kerajaan-Nya."

‘Kebutaan’ yang menyebabkan kita tidak dapat melihat sukacita Paskah

Pada pertengahan usia 20-an, saya menghabiskan setahun belajar di Universiti San Francisco. Saya baharu sahaja ditahbiskan sebagai paderi dan sedang menamatkan ijazah sarjana dalam teologi.

Pada Hari Minggu Paskah tahun itu, musim bunga sedang bersemi. Suasana amat cantik dan matahari bersinar cerah, tetapi ia tidak memberikan keceriaan dalam hati saya.

Saya jauh dari rumah, jauh dari keluarga dan komuniti saya, merindui kampung halaman dan sendirian di kota besar itu.

Hampir semua rakan pengajian saya pada ketika itu dan pelajar siswazah dari kelas lain, telah pulang merayakan Paskah bersama keluarga mereka.

Kerinduan dan kesunyian saya pada ketika itu begitu menusuk, apatah lagi saya masih muda pada ketika itu. Perasaan saya tidak dapat diubah oleh keindahan musim bunga dan sukacita Paskah.

Saya pergi bersiar-siar petang itu namun udara musim bunga, matahari dan Paskah tidak sedikit pun dapat menghiburkan saya atau membantu mengurangi rasa sunyi dalam diri saya.

Tetapi ada cara yang berbeza untuk keluar daripada perasaan yang membungkam ini. Leonard Cohen pernah menulis bahawa dalam keretakan, cahaya matahari dapat menyelip masuk.

Ketika itu, saya memerlukan sedikit kebangkitan untuk keluar daripada perasaan sedih dan akhirnya saya mendapatnya. Di pintu masuk sebuah taman, saya melihat seorang pengemis buta

diduduk dengan tanda kadbod di hadapannya yang bertulis: Sekarang ialah musim bunga dan saya buta!

Ironinya, saya tidak buta tetapi bagaikan buta seperti pengemis itu! Ketika itu, meskipun pada hari Paskah, persaan saya bagaikan merayakan Jumaat Agung, yang dingin, pilu dan kejujangan.

Matahari bercahaya indah, musim bunga dan Paskah telah saya sia-siakan pada hari itu. Namun akhirnya, momen itu menjadi berkat dan saya selalu mengenang pertemuan dengan pengemis itu kerana ia menyedarkan saya sesuatu.

Saya masih ingat, pada ketika itu, selepas berjalan, saya pulang ke rumah untuk makan malam. Pada tahun itu, saya merupakan seorang penaung bagi sebuah biara yang mempunyai asrama belia berdekatan namun peraturan pada ketika itu mewajibkan penaung harus makan sendirian di ruang makan peribadi yang dikhaskan.

Jadi, walaupun ia menambahkan lagi kesedihan dan kesunyian, saya tetap makan malam sendirian pada petang Paskah tersebut.

Semangat kebangkitan saya rasai pada Hari Minggu Paskah meskipun agak lewat. Ini terjadi apabila saya dan dua orang pelajar siswazah lain membuat rancangan untuk bertemu di laut pada waktu malam, untuk menyalakan api dan merayakan versi peribadi Vigil Paskah.

Jadi, sebelum gelap, saya menaiki bas untuk ke laut agar dapat bertemu dengan kawan-kawan saya (seorang biarawati dan paderi).

Kami menyalakan api unggun yang

besar (masih dibenarkan pada masa itu), duduk mengelilingi unggun api selama beberapa jam, dan akhirnya mengaku satu sama lain bahawa kami masing-masing mempunyai Paskah yang menyedihkan.

Unggun api itu telah memberikan kami berkat seperti dalam upacara Vigil Paskah, ia telah memutuskan rantaian kegelisahan dan kesedihan yang membutakan mata kami untuk melihat terhadap segala yang indah di luar diri kita sendiri.

Ketika kami melihat unggun api dan bercakap tentang semua perasaan sedih, perasaan saya mulai beralih, kegelisahan saya menjadi tenang dan beban berat yang dirasakan, mulai ringan. Saya mula merasakan musim bunga dan Paskah.

Dalam Injil Yohanes tentang kebangkitan, dia menceritakan kisah bagaimana pada pagi Paskah pertama, murid-murid yang dikasihi berjalan ke kubur di mana Yesus telah dikebumikan dan melihat ke dalamnya.

Dia melihatnya kosong dan semua yang tersisa hanyalah pakaian yang membaluti jenazah Yesus telah kemas dilipat.

Tetapi kerana dia seorang murid yang melihat dengan mata cinta, dia memahami apa maksudnya: Dia memahami realiti kebangkitan dan tahu bahawa Yesus telah bangkit. Dia melihat musim bunga. Dia faham dengan matanya.

Hugo dari St Victor pernah berkata: Cinta berpunca daripada mata. Apabila kita melihat dengan cinta kita bukan sahaja melihat lurus dan jelas, kita juga

melihat kedalaman dan makna. Sebaliknya juga benar.

Ini adalah penerangan yang baik bahawa selepas Yesus bangkit dari orang mati, ada yang dapat melihat-Nya dan ada orang lain yang tidak dapat melihat-Nya. *Cinta berpunca daripada mata.*

Mereka yang mencari kehidupan melalui mata cinta, seperti Maria dari Magdala mencari Yesus di taman pada pagi Hari Minggu Paskah, melihat musim bunga dan Kebangkitan. Lain-lain mata, seperti kami, buta untuk melihat musim bunga!

Ketika saya bersiar-siar pada petang Paskah beberapa tahun lalu di San Francisco, saya bukanlah seperti Maria dari Magdala yang mencari Yesus di taman, ataupun seperti murid Yang Dikasihi yang berlari atas dorongan cinta untuk melihat ke dalam makam Yesus.

Pada ketika itu, saya masih muda dan cepat diserang rasa gelisah serta sedih. Kebanyakan masa, saya hanya mencari diri saya sendiri dan menyedari saya selalu berasa cemas.

Dan itulah kebutaan. Apabila kita terperangkap dalam diri sendiri, kita buta, buta untuk melihat keindahan musim bunga dan kemuliaan kebangkitan.

Saya belajar daripada pengalaman itu, bukan dalam Gereja atau kelas tetapi pada Hari Minggu Paskah yang sepi dan gelisah di San Francisco ketika saya terlihat seorang pengemis buta dan kemudian pulang ke rumah dan makan malam Paskah bersendirian. **Hakcipta Terpelihara 1999-2025 @ Fr Ron Rolheiser**

Kepimpinan sejati adalah kerendahan hati

Kisah Injil Yohanes hari ini memuatkan dua pesan: pertama, keberhasilan penangkapan ikan berkat perintah Yesus, kedua: syarat mutlak yang dituntut Yesus untuk menjadi seorang pemimpin yang baik.

Sesudah bangkit, Yesus tetap ada dalam kalangan murid-murid-Nya, namun cara kehadiran atau kebersamaan itu adalah berbeza.

Murid-murid-Nya melakukan kembali pekerjaan mereka sehari-hari, tidak lagi bersama Yesus seperti Dia belum disalibkan.

Tetapi ternyata Yesus yang memanggil mereka untuk mengikuti Dia, sesudah bangkit dan terbukti tetap setia bersama dengan mereka, juga dalam hidup sehari-hari.

Ringkasnya, dalam kisah penangkapan ikan itu, Yohanes mahu menunjukkan kasih dan kesetiaan Yesus kepada murid-murid-Nya, sama ada dalam kegembiraan mahupun dalam kesukaran hidup mereka sehari-hari.

Secara khusus perhatian Yesus ditujukan kepada Simon Petrus, yang akan dijadikan Wakil-Nya yang pertama di dunia ini.

Sesudah memperlihatkan kesetiaan kasih-Nya kepada Petrus dan temannya dalam penangkapan ikan,

Yesus bertanya kepada Petrus: “Simon, anak Yohanes, apakah Engkau mengasihi Aku lebih dari pada mereka ini?”

Petrus yang pernah menyangkal Gurunya, namun kemudian menyesal dan menyerahkan dirinya kepada Yesus.

Tiga kali Yesus bertanya dan memberikan perintah kepadanya. Sungguh suatu pertanyaan penentu hidupnya! Mengasihi Yesus “daripada mereka” atau “daripada yang lain-lain”, dapat bererti mengasihi jala, perahu atau pekerjaannya sebagai penangkap dan penjual ikan.

Tetapi sebenarnya pertanyaan Yesus, yang sampai tiga kali itu menembus sampai pada lubuk hati Petrus yang paling dalam.

Pertanyaan Yesus ditujukan kepada sikap dan keadaan dasar setiap manusia, yang merupakan akar dan sumber segala dosa, iaitu kesombongan.

Mengapa pertanyaan tentang kasih kepada Yesus sehingga tiga kali kepada Petrus? Mengapa bukan pertanyaan-pertanyaan lain? Misalnya, Yesus mungkin boleh bertanya, “Simon, tahu dan sedarkah kamu akan tanggungjawab berat yang harus kamu pikul sebagai pemimpin? Ingatkah kamu akan kelemahan dan catatan pengalaman hidupmu? Sanggupkah kamu menghadapi cabaran yang akan kamu jumpai dalam

memimpin atau mendampingi orang lain?

Pada zaman kita sekarang, pegangan kepemimpinan adalah lain: keberkesanan dan keberhasilan merupakan syarat tertinggi untuk dapat bekerja secara profesional.

Harus ada kualiti, kemampuan, pencapaian tinggi akademik, pengalaman kerja sebelumnya, yakin dalam relasi awam. Memang pertanyaan tentang hal-hal ini sangat penting bagi seorang bakal pemimpin sekarang.

Tetapi Yesus menyatukan dan merangkumkan semuanya dalam satu pertanyaan: "Simon, apakah kamu mengasihi Aku?" Pertanyaan ini langsung menembus hati Petrus!

Jadi kunci kualiti kepemimpinan dan pelayanan kepada siapa pun atas nama Yesus Kristus, ialah kasih kepada Tuhan, berciri dengan kerendahan hati, ketaatan dan kesetiaan kepada-Nya.

Petrus sebenarnya sudah menghormati dan menghargai peribadi Yesus, tetapi dia masih belum bebas dari kepentingan diri sendiri.

Selama sikap dasar kesombongan ini masih ada, komuniti apapun yang dipimpin atau dilayani akan tergoncang atau roboh jika sikap sombong ini kekal dalam diri kita.

Petrus diingatkan kepada kenyataan

**HARI MINGGU
PASKAH 3
(TAHUN C)**

**KISAH PARA RASUL
5:27B-32.40B-41
WAHYU 5:11-14
INJIL YOHANES 21:1-19**

ini: Yesus berbuat baik kepada bangsa-Nya sendiri, namun Dia disalib. Bukankah hal serupa turut terjadi di dalam keluarga, lembaga, organisasi, bahkan negara

Petrus sesudah harus belajar dan mengalami sendiri apa yang ditanyakan Yesus kepadanya, menulis dalam suratnya kepada umat sebagai berikut: “Gembalakanlah kawanan domba Tuhan yang ada padamu, jangan dengan paksa, tetapi dengan sukarela sesuai dengan kehendak Tuhan, dan jangan kerana mahu mencari keuntungan, melainkan dengan pengabdian diri...Hendaklah kamu menjadi tauladan bagi kawanan domba itu”. (1 Petrus 1-4).

Kasih sejati selalu merendahkan hati, bukan sombong. Kepimpinan sejati adalah kerendahan hati. **Msgr F.X Hadisumarta O.Carm**

Minyak suci tanda kehadiran Roh

KUCHING: Pada petang April 16, Misa Krisma dirayakan di Katedral St Joseph yang dipimpin oleh Uskup Agung Simon Poh.

Uskup Agung Simon memulakan homilinya dengan mengingatkan umat beriman bahawa Tahun 2025 telah diisytiharkan sebagai Tahun Jubli Harapan.

Memetik petikan dari Imamat 25, prelatus itu menjelaskan bahawa menurut kitab suci, jubli ialah masa rehat, pembaharuan dan perdamaian, diraikan dengan membebaskan hamba, penghapusan hutang dan pemulihan tanah.

“Jubli ialah masa rahmat, masa untuk kembali kepada Tuhan, untuk memperbaharui hubungan kita dengan satu sama lain, dengan penciptaan dan dengan Tuhan,” kata Uskup Agung Simon.

Merujuk kepada pembacaan kedua pada hari tersebut, Bapa Uskup Agung mengatakan, “Dia mengasihi kita dan telah ‘membasuh’ dosa kita dengan darah-Nya,” serta mengingatkan bahawa pembaptisan menandakan permulaan misi umat Katolik.

“Melalui pembaptisan, setiap orang diurapi dan diutus -dipanggil untuk hidup sebagai paderi, nabi dan raja.”

“Malam ini, kita berkumpul sebagai satu keluarga di Keuskupan Agung Kuching. Misa Krisma ialah simbol perpaduan itu, perayaan misi bersama kita.”



Uskup Agung Simon Poh memimpin Misa Krisma di Katedral St Joseph pada April 16, 2025, bersama Uskup Agung Emeritus Peter Chung (kiri) dan Emeritus John Ha (kanan).

Kuasa Minyak-minyak suci

Salah satu momen penting dalam Misa Krisma ialah pemberkatan tiga minyak suci yang digunakan sepanjang tahun dalam pelayanan sakramen iaitu Minyak Orang Sakit: untuk pengurapan orang-orang yang sakit atau diambang maut, membawa penghiburan dan penyembuhan; Minyak Katekumen yang digunakan dalam proses Inisiasi Kristian Dewasa yang meneguhkan mereka dalam persiapan menjadi anggota Gereja Katolik; Minyak Krisma, minyak harum yang diberkati oleh uskup, digunakan dalam pembaptisan, penguatan, pentahbisan dan pemberkatan Gereja serta altar.

Uskup Agung Simon menjelaskan

kepentingan setiap minyak bahawa ketiga-tiganya bukan minyak biasa tetapi instrumen suci berkat Roh Kudus. “Minyak-minyak ini ialah tanda kehadiran Tuhan. Ia menyembuhkan, menguatkan, menguduskan dan mengingatkan kita bahawa kita diurapi untuk misi.”

Prelatus itu menyatakan syukur dan penghargaan kepada para paderi di Keuskupan Agung Kuching atas pelayanan pastoral mereka khususnya pada musim Pra-Paskah lalu.

Uskup Agung Simon berkongsi pengalaman indah yang berlaku baru-baru ini, apabila 18 orang paderi memberikan pelayanan Sakramen Pengakuan lewat malam.

“Tidak mudah untuk melakukan seperti

apa yang kamu lakukan. Kami amat tersentuh dan diberkati oleh belas kasihan anda,” ujar Uskup Agung Simon.

Uskup Agung juga menyatakan keperluan mendesak iaitu pelayanan pastoral yang tepat pada masanya untuk orang sakit dan menghampiri kematian.

Beliau menggesa keluarga untuk memaklumkan kepada pihak Gereja lebih awal apabila orang yang disayangi tidak sihat agar para paderi dapat melakukan segera pengurapan orang sakit pada waktunya.

“Sangat menyedihkan apabila kita tidak sempat memberikan pelayanan itu namun kita adalah manusia, tetapi kami berusaha untuk memberikan yang terbaik.”



Pewartaan Berita Baik bukan hanya di Gereja

MASAI, Johor: “Paderi, pelayanan dan Berita Baik, merupakan tiga perkataan indah yang muncul dalam pembacaan hari ini,” kata Uskup Bernard Paul semasa memimpin Misa Krisma tahunan, di Gereja St Teresa, pada April 15 lalu.

“Tiga perkataan ini lebih daripada sekadar istilah. Ketiga-tiganya menyerlahkan peranan dan tanggungjawab, panggilan dan misi kita. Ia menjelaskan ‘pekerjaan’ rohani kita. Setiap paderi, setiap orang yang dibaptis – berkongsi tanggungjawab ini. Kita ialah paderi Tuhan, pelayan Tuhan dan pembawa Khabar Gembira, seperti yang dinyatakan oleh Kitab Suci.

Sebagai paderi Tuhan: Menjadi paderi Tuhan bermaksud berkongsi dalam kehidupan Kristus. Yesus mengatakan, “Aku diutus oleh Bapa ... Aku datang dari Bapa ... Aku hidup di dalam Bapa”, kita juga dipanggil untuk kesatuan yang mendalam ini dengan Tuhan iaitu ikatan cinta dengan Bapa, dengan umat Tuhan dengan dunia, dan dengan Penciptaan itu sendiri.

Kesatuan seperti ini hanya terjadi melalui doa dan renungan yang mendalam. Sebagai paderi, kita mesti menjadi orang yang bersatu dengan Tuhan, antara sesama dan alam ciptaan Tuhan.

Perkataan ‘kesatuan’ bukan sekadar hubungan, tetapi kesalinghubungan yang

mendalam. Itulah dimensi pertama panggilan kita.

Mengenai peranan pelayan Tuhan, Uskup Bernard menjelaskan tugas-tugas pelayan Tuhan ialah dengan melakukan pelayanan Kristus dengan aktif, bukan sahaja untuk Gereja tetapi untuk menjadikan dunia ini menjadi lebih baik.

Yesus melakukan sepenuhnya karya-karya Bapa, Dia menyembuhkan, membebaskan, menghiburkan dan memulihkan. Sebagai pelayan Tuhan, kita dipanggil untuk mengambil bahagian dalam misi yang sama. Kita diharapkan untuk membantu orang lain kerana ini bukan “Gereja saya” atau “Gereja anda” tetapi Gereja kita.

Peranan ketiga sebagai “Pembawa Berita Baik”, Uskup Bernard menjelaskan bahawa semua umat diutus untuk membawa Berita Baik bukan hanya di rumah ibadat tetapi di lereng bukit, memasuki rumah, melawat golongan terabai, miskin dan kaya, menyentuh orang-orang yang dipinggirkan dan yang dihormati — seperti yang Yesus lakukan.

Kepada para paderi, Uskup Bernard berpesan, “Jangan lupa siapa anda. Rayakan pentahbisan anda dengan kegembiraan dan kebanggaan. Setialah dengan panggilan itu dan di mana pun anda pergi, jadilah Berita Baik seperti yang diamanahkan oleh Tuhan kepada anda!”

Paderi pelawat dari Indonesia serta Misa Krisma di Keuskupan Keningau

KENINGAU: Misa Krisma dan Pembaharuan Janji Kesetiaan para paderi di Keuskupan Keningau telah diadakan pada April 15 lalu di Dataran Keuskupan Keningau.

Misa bermula pada pukul 6.30 petang dengan iringan koir belia Katedral St Francis Xavier Keningau disusuli pendupaan altar.

Dalam kata alu-aluannya, pemimpin Misa, Uskup Cornelius Piong mengajak umat mengingati doa Yesus yang diucapkan sebelum Dia kembali kepada Bapa, yang menekankan kepentingan hidup dalam kesatuan, kesetiaan dan kekudusan.

Dalam homilinya, Uskup Cornelius menegaskan bahawa panggilan sebagai paderi tidak mudah kerana ia menuntut komitmen yang mendalam untuk memimpin serta membangun iman umat Katolik.

Namun prelatus itu mengingatkan bahawa Tuhan sentiasa hadir serta menyertai dalam perjalanan iman umat-Nya.

Bapa Uskup seterusnya menekankan tiga perkara utama yang didoakan oleh Yesus sebelum kembali kepada Bapa iaitu:

1. Hidup dalam Kesatuan: Merupakan dasar kehidupan bagi umat yang menunjukkan semangat kesatuan tidak kira dimana berada, dan keluarga perlu menjadi teras komuniti yang hidup dalam kasih agar dapat memben-

tuk umat yang hidup dalam kesatuan.

2. Perlindungan dari Kejahatan: Yesus mendoakan ini bagi kita dan sebagai sahutannya, umat diseru untuk terus hidup dalam kesetiaan kepada Kristus. Cabaran dan godaan para paderi dan umat untuk berjalan bersama sudah pasti ada kerana roh-roh jahat pasti akan mengganggu.

Oleh sebab itu, prelatus mengingatkan kepada para paderi, para religius dan umat agar tidak jemu berdoa memohon perlindungan daripada segala kejahatan.

3. Hidup dalam Kekudusan: Setiap Hari adalah penting untuk umat-Nya membaca, mendengar dan merenung firman Tuhan. Firman Tuhan menjadi panduan yang betul dalam membangun paroki dan komuniti Gereja.

Seramai 27 orang paderi daripada Keuskupan Keningau dan lapan orang paderi pelawat dari Indonesia telah memperbaharui janji kesetiaan mereka di hadapan Uskup Cornelius.

Selepas pembaharuan janji imamat, tiga orang paderi iaitu Fr David Gasikol membawa minyak untuk Orang Sakit, Fr Kennedy Nakudah Killin membawa Minyak untuk Katekumen dan Minyak Krisma dibawa oleh Fr Apollonius Yakis untuk diberkati oleh Uskup Cornelius. **Beatlvina**



Fr David Gasikol, Fr Kennedy Nakudah dan Fr Apollonius Yakis membawa minyak-minyak suci untuk diberkati.

Sahabat kecil Yesus

Hello adik-adik,

Apa khabar? Pada Hari Minggu ini kita menyambut Hari Minggu Paskah ketiga.

Untuk ruangan pada kali ini, antie ingin mengungkapkan rasa rindu dan kasih antie kepada Bapa Suci kita Fransiskus yang meninggal dunia pada April 21 lalu.

Antie tahu, ramai di antara adik-adik yang mengenal, membaca dan melihat Sri Paus di media, bukan?

Mungkin juga, ada di antara adik-adik yang pernah bersalaman dan bertemu dengan Sri Paus?

Adik-adik, Sri Paus Fransiskus pernah berpesan kepada kanak-kanak untuk selalu mengucapkan tiga perkataan iaitu "terima kasih", "Maaf" (sorry) dan "tolong" (please).



Ketiga-tiga perkataan ini sangat sederhana tetapi selalu lupa diucapkan.

Kita selalu lupa berterima kasih kepada Tuhan, kepada ibu

bapa, nenek dan datuk, abang atau kakak kita.

Begitu juga dengan perkataan "maaf" dan "tolong". Dan mungkin sikap kita yang kurang menyantuni orang lain akan membuatkan rakan-rakan kita marah, sedih atau kecewa.


Adik-adik, mari kita warisi sikap Sri Paus Fransiskus yang selalu berdoa kepada Tuhan, menghormati orang yang lebih tua daripada kita, menjaga alam ciptaan Tuhan dan memaafkan.

Jumpa lagi di minggu hadapan!

Salam sayang Antie Melly

Cari Perkataan Tersembunyi



YOH 21:1-19



LPLAUKPAUKBMGHR
 HIIKTOMASDIDIMUS
 OASIMONPETRUSZV
 SEBHTUHANBCERWO
 SERATUSKSANAKMD
 BJALAQRSARAPANKS
 NATANAELSOIKANHH

SIMON PETRUS TOMAS DIDIMUS SARAPAN ANAK
 TUHAN JALA NATANAEL LAUK PAUK SERATUS IKAN

Sambungkan titik-titik pada gambar di bawah dan warnakan.



Cari TUJUH perbezaan pada gambar ini.



BELIA



Empat minggu latihan rohani, MiDYA lahirkan kaum muda misionari

MIRI: Baru-baru ini, sekumpulan belia di Keuskupan Miri sanggup berhimpun selama empat minggu bersama Miri Diocesan Youth Apostolate (MiDYA) kerana ingin mencari jawapan kepada persoalan: "Siapakah saya? "Apa tujuan saya di dunia?" "Apakah yang Tuhan ingin saya lakukan?"

Bertempat di Gereja Mater Dei, Lutong, perhimpunan itu mengambil tema dari Injil Matius 28:19, "Oleh itu pergilah, jadikan semua bangsa murid-Ku. Baptislah mereka dengan nama Bapa, Anak dan Roh Kudus."

Pada minggu pertama, program itu memberi tumpuan kepada Pembentukan Insan. Para peserta dibimbing untuk meneroka nilai-nilai yang terletak pada inti menjadi cinta manusia, empati dan tanggungjawab. Ia bukan hanya tentang pembelajaran daripada orang lain, tetapi juga belajar memahami diri mereka dan pentingnya kehadiran belia Katolik dalam komuniti atau orang-orang di sekeliling



mereka.

Minggu dua ialah Pembentukan Rohani yang diketuai oleh Haggai Malaysia. Haggai Malaysia membawa penceramah yang 'menggerakkan' dan 'membangkitkan' semangat para peserta.

Mereka diingatkan tentang kepentingan pelayanan, memimpin dan terlibat aktif dalam paroki serta komuniti.

Pada minggu ketiga, para peserta didedahkan dengan "Hidup dalam Komuniti" iaitu mereka diajak untuk keluar dari zon

selesa dan tinggal bersama keluarga angkat. Hidup dengan keluarga angkat mengajar mereka kerendahan hati, rasa syukur, hidup dalam suasana doa dan pelayanan.

Mereka mengalami keindahan memberi dan menerima cinta daripada orang yang tidak mereka kenali, yang akhirnya menjadi sahabat dan keluarga mereka.

Pada minggu terakhir, para belia menjalani program pembentukan rohani. Mereka didedahkan dengan ceramah panggilan yang mendalam. Lawatan ke

Carmelite dan biara membuka mata para belia kepada kehidupan religius yang tenang tetapi kuat dalam menjawab panggilan Tuhan.

Ramai di antara belia yang tersentuh malah mengalirkan air mata kerana mungkin buat kali pertama mereka benar-benar mendengar suara Tuhan dalam diri mereka.

Pada Malam Solidariti yang dirancang dan dijalankan sendiri oleh para peserta, merupakan perayaan yang indah serta berbentuk 'luahan' pengalaman daripada apa yang mereka alami dalam pembentukan selama empat minggu itu.

Malam Solidariti itu bukanlah majlis perpisahan sebaliknya janji dan tekad untuk membawa pengalaman rohani mereka untuk dipraktikkan ke dalam kehidupan.

Midya #6 membawa bersama 105 peserta bersama paderi, religius dan penceramah mengenal dan mengalami pertemuan indah dengan Tuhan.

Ketika peserta melangkah keluar dari Midya, mereka tahu satu perkara yang pasti iaitu mereka tidak lagi sama seperti ketika pertama kali tiba!

Majlis Belia Malaysia hargai sumbangan Sri Paus Fransiskus untuk global

KUALA LUMPUR: Presiden Majlis Belia Malaysia menyampaikan ucapan takziah di atas pemergian Bapa Suci Fransiskus.

Ucapan takziah itu dihantar kepada Nunsio Apostolik ke Malaysia, Uskup Agung Wojciech Zaluski pada April 22, 2025.

"Bagi pihak Majlis Belia Malaysia dan belia di negara ini, kami mengucapkan ucapan takziah kepada Yang Amat Mulia dan seluruh komuniti Katolik di Malaysia dan dunia di atas pemergian Bapa Suci Fransiskus.

Bapa Suci merupakan teladan kerendahan hati, belas kasihan dan keberanian moral di dunia yang kompleks. Suaranya untuk keamanan, perpaduan dan keadilan melampaui sempadan agama dan budaya," ujar Mohd Izzat Afifi bin Haj Abdul Hamid, Persiden Majlis Belia Malaysia.

Mohd Izzat mengatakan berjuta-juta orang telah diinspirasi, termasuk orang muda dari semua agama, untuk mengagungkan nilai-nilai murni dalam memberikan khidmat, cinta dan martabat

manusia.

"Kami menghormati warisan dialog, berkat dan komitmen Sri Paus Fransiskus yang tidak berbelah bahagi kepada yang terabai. Sumbangannya kepada dialog antara agama dan perpaduan global akan diingati hingga ke beberapa generasi. Semoga jiwanya berehat dalam kedamaian yang kekal dan semoga hidupnya terus memberi inspirasi kepada harapan, iman, dan perkhidmatan di antara kita semua," ucap Mohd Izzat Afifi pada penghujung surat tersebut.



Kenangan mendiang Sri Paus Fransiskus bersama para belia pada tahun 2022.



Konferensi Vietnam bersidang meskipun berkabung

HUE, Vietnam: Konferensi Uskup Katolik Vietnam (VBC) memulakan mesyuarat tahunan pertamanya untuk tahun 2025 di bawah suasana doa dan berkabung berikutan kematian Sri Paus Fransiskus.

Pada petang April 21, pada Isnin Paskah, membuka persidangan secara rasmi di pusat pastoral Keuskupan Agung Hue, beberapa jam selepas Takhta Suci mengumumkan berita dukacita kematian Sri Paus Fransiskus.

Dalam ucapan alu-aluannya, Uskup Agung Hue, Joseph Nguyen Chi Linh, Uskup Agung Hue, mengetuai satu minit berdiam diri mengenang Sri Paus Fransiskus yang telah memberi impak dalam kepimpinan Gereja Vietnam.

Kemudian, semua paderi dari 27 Keuskupan, yang disertai oleh Kardinal Peter Nguyen van Nhon, Uskup Agung Francis Xavier Le Van Hong dan ahli-ahli Sekretariat, berkumpul untuk Adorasi kepada Sakramen Maha Kudus dan Ibadat Malam.

Sebuah potret Sri Paus Fransiskus telah diletakkan dekat tempat kudus Pusat Pastoral, di mana para uskup memberi penghormatan kepada kehidupan dan kepausannya.

Memandangkan kekosongan dalam Takhta Suci, Jawatankuasa Liturgi Persidangan Uskup Vietnam mengeluarkan "nota liturgi yang rasmi pada masa kekosongan Takhta Sri Paus" sebagai panduan pada masa berkabung.

Uskup juga komited untuk memaklumkan kepada umat Katolik di seluruh negara tentang kematian Bapa Suci Fransiskus dan tindak balas liturgi yang sesuai.

Persidangan itu, yang dijadualkan berjalan pada April 21 hingga April 25, membincangkan beberapa isu pastoral, refleksi sinodal dan persediaan untuk aktiviti yang berkaitan dengan Vatikan. VBC juga menghantar beberapa perwakilan untuk menghadiri pengebumian Bapa Suci pada April 26.

LiCAS News

Mengaku lemah dan alpa, Kardinal Bo mohon maaf

YANGON: Kardinal Charles Maung Bo secara terbuka mengakui kekurangan kepimpinannya dan memohon pengampunan semasa merayakan Misa Krisma di Katedral St. Mary di Yangon.

Dalam homilinya, prelatus itu juga menghormati pemimpin dan komuniti Gereja di seluruh Myanmar.

"Saya mengakui bahawa kepimpinan saya sering jatuh dan tidak mengembirakan orang lain. Saya dengan tulus memohon maaf kerana tidak sepenuhnya dapat mewujudkan semangat kepimpinan hamba," kata Kardinal.

Misa yang diadakan pada hari Khamis Putih, membawa para klerus, religius dan umat awam untuk berkat minyak sakramental dan pembaharuan janji imamat.

Kardinal Bo mengucapkan terima kasih kepada Tritunggal Mahakudus "untuk berkat, bimbingan, kekuatan dan dapat memanggil-Nya *Abba*" dan menghormati Perawan Maria sebagai "bonda rohani yang terus mulia sehingga generasi sekarang dan mempunyai pelbagai gelaran indah yang dianugerahkan kepadanya."

Kardinal Bo juga memuji kepimpinan Sri Paus Fransiskus (kini mendiang) yang memimpin dengan semangat hamba serta doa dan sokongan berterusan untuk Myanmar.



Permohonan maaf kardinal juga ditujukan kepada para klerus, "Walaupun ramai di antara kamu yang setia dan gembira mendedikasikan kehidupan anda kepada Gereja, kritikan tetap ada akibat sikap beberapa orang yang bermasalah dengan selibat dan gaya hidup."

Beliau juga mengakui kelemahannya dalam usaha ke arah sinodaliti yang perlahan atau lemah. "Dalam membuat keputusan, kita tidak selalu mendengar semua orang seperti yang sepatutnya."

"Di hadapan Tuhan yang sangat tahu dosa luasan dan dalaman, saya benar-benar mohon pengampunan dengan tulus ikhlas. Tuhan tidak pernah bosan dengan pengampunan," kata Kardinal Bo.

LiCAS News

Sri Paus Fransiskus inspirasi pejuang kemanusiaan

VATIKAN: Umat Katolik dan pemerintah di Asia telah memberikan penghormatan kepada Sri Paus Fransiskus, pemimpin spiritual tertinggi Gereja Katolik, yang meninggal dunia di Vatikan pada April 21, di usia 88 tahun.

Mendiang Sri Paus Fransiskus dinyatakan sebagai model kerendahan hati dan belas kasihan, pejuang kaum miskin dan kaum terabai, serta pejuang perdamaian, kemanusiaan, dan persatuan para pemimpin politik, sosial, dan agama di seluruh dunia.

Singapura

Kardinal William Goh, uskup Keuskupan Agung Singapura menyebut Sri Paus Fransiskus sebagai "teladan belas kasihan, kasih sayang serta pejuang persatuan dan harapan," tidak hanya bagi umat Katolik, tetapi juga bagi dunia, khususnya bagi yang lemah, terabai dan miskin.

Semasa kunjungannya ke Singapura dalam sebuah pertemuan dengan kaum muda dari pelbagai agama, beliau telah menekankan dialog dan pemahaman antara komuniti agama, tambahnya.

Indonesia

Kardinal Ignatius Suharyo Hardjoatmodjo mengenang kesederhanaan Sri Paus Fransiskus dan jangkauannya terhadap golongan terabai sebagai warisan penting bagi Gereja Katolik.

Katanya, Sri Paus Fransiskus juga telah memperbaharui prosedur pemakaman Sri Paus yang sederhana, "Beliau telah mengubah wajah Gereja dari monarki menjadi Gereja yang melayani," katanya.

Ketua Konferensi para Uskup Indonesia, Msgr Antonius Subianto Bunjamin OSC mengatakan bahawa "nilai-nilai Injil, kasih universal, persaudaraan, kepedulian terhadap ciptaan Tuhan dan belas kasih terhadap orang miskin serta terabai merupakan warisan hebat Sri Paus Fransiskus."

Thailand

Uskup Agung Bangkok Msgr Francis Xavier Vira Arpondratana dan ketua Konferensi para Uskup Thailand, mengatakan Gereja Thailand tetap bersatu dalam kesedihan dan doa.

"Kehidupannya, kata-katanya, dan kesaksiannya sangat menyentuh hati jutaan orang. Terinspirasi oleh warisannya, kami akan melanjutkan perjalanan kami - berjalan bersama sebagai penziarah harapan, berjuang menghayati Injil dengan hidup kami," tambahnya.

Korea

Gereja dan masyarakat Korea akan selalu mengenang Paus Fransiskus atas kasih dan perhatiannya, kata Uskup Agung Seoul Msgr Peter Chung Soo-taick.

Semasa kunjungannya ke Ko-



rea tahun 2014, beliau telah memimpin upacara beatifikasi untuk para martir Korea — yang pertama diadakan di luar Vatikan — dan "menyampaikan pesan harapan dan keberanian yang kuat kepada kaum muda di Hari Orang Muda Katolik Sedunia," kenangnya.

Jepun

Kardinal Isao Kikuchi, uskup Keuskupan Agung Tokyo menyebut Paus Fransiskus sebagai "seorang pemimpin yang luar biasa yang menuntun kita di jalan Sinodaliti."

Katanya visi mendiang Sri Paus untuk Gereja Katolik terserlah dalam Seruan Apostolik pertamanya *Evangelii Gaudium* (Sukacita Injil) dan ensiklik *Laudato Si*.

Visi itu kemudian diperkukuhkan melalui Sinode tentang Sinodaliti ketika Sri Paus Fransiskus berkata, "Roh Kudus adalah tokoh utamanya."

Filipina

Konferensi para Uskup Filipina Kardinal Pablo David Virgilio mengatakan Sri Paus Fransiskus adalah "seorang gembala yang berjalan bersama umatnya, sering kali memilih jalan berdebu menuju pinggir dari pada keberhasilan."

Melalui ensikliknya *Evangelii Gaudium* dan *Fratelli Tutti*, mendiang Sri Paus mengingatkan kita bahawa jantung Injil berdetak paling kuat di tempat-tempat yang penuh dengan penderitaan, kemiskinan, dan pengucilan.

India

Ketua Konferensi para Uskup India, Kardinal Felipe Neri Ferrao, mengatakan Sri Paus Fransiskus adalah "seorang gembala sejati umat Tuhan" yang memperjuangkan hak-hak orang miskin dan terabai, sentiasa menyeru untuk merangkul dunia dengan kasih sayang, keadilan, dan kepedulian terhadap ciptaan.

"Visinya untuk mengubah Gereja menjadi komuniti sinode yang mendengarkan, mencermati dan berjalan bersama telah meninggalkan jejak indah Gereja," katanya.

Bangladesh

Profesor Muhammad Yunus, ketua kerajaan sementara Bangladesh, mengirim pesan kepada Setiausaha Negara Vatikan, Kardinal Pietro Parolin untuk menyampaikan belasungkawa atas pemergian Sri Paus Fransiskus.

Yunus menggambarkan Paus Fransiskus sebagai "pejuang perdamaian, kemanusiaan dan persatuan. Kepemimpinannya melampaui batas-batas agama dan mengilhami jutaan orang untuk meningkatkan usaha membangun dunia yang lebih inklusif, toleran, dan penuh kasih sayang."

Uskup Agung Dhaka, Msgr Bejoy N. D'Cruze OMI, ketua Konferensi para Uskup Bangladesh, menyebut, "Cita-cita, ajaran, kesederhanaan, dan cintanya kepada masyarakat termiskin dan terabai adalah inspirasi kami. Kami akan melanjutkan visinya untuk Gereja sinode yang inklusif," kata Uskup Agung D'Cruze.

Pakistan

Uskup Agung Karachi, Msgr Benny Trivas dalam sebuah pernyataan mengatakan Paus Fransiskus telah meninggalkan "warisan besar" bagi Gereja Katolik.

Uskup Protestan Samuel Azariah dari Gereja Pakistan mengatakan, "Sepanjang masa kepausannya, Paus Fransiskus meninggalkan warisan yang tak terhapuskan seperti yang terlihat dalam Tahun Belas Kasihan pada tahun 2015.

Myanmar

"Di antara semua Sri Paus, Fransiskus adalah yang paling lantang bersuara tentang Myanmar," kata Sr Lucy, 44, seorang religius di Myanmar.

"Umat Katolik Myanmar akan merindukannya sebagai Paus yang selalu mengingat Myanmar," katanya.

Kardinal Charles Bo, Uskup Agung Yangon pula berkata, "Kami berharap bahawa orang yang akan menggantikan Fransiskus ialah seseorang yang akan memiliki simpati, perhatian, dan peduli terhadap rakyat Myanmar!"

ucanews.com



Apakah imej Gereja Katolik di Sabah?

KENINGAU: Perhimpunan Pastoral Wilayah Sabah (PPWS) bakal berlangsung pada Mei 11-13, 2025 di Katedral Sacred Heart, Kota Kinabalu.

Pada April 23 lalu, Radio Online KekitaanFM atau ROK telah mengadakan Bual Bicara Malam mengenai PPWS untuk mengetahui lebih lanjut rasional PPWS, apakah yang akan berlaku pada hari tersebut, sesi-sesi yang akan disampaikan dan banyak lagi.

Tiga orang panelis telah dijemput dalam Bual Bicara yang dikendalikan oleh DJ Beth. Mereka ialah Fr Thomas Madanan dari Keuskupan Agung Kota Kinabalu, Sdri Anna Theresa Amandus dari Keuskupan Sandakan dan Fr Roney Mailap dari Keuskupan Keningau.

Ditanya mengenai mengapa ada perkataan "Wilayah" dalam PPWS, Fr Thomas mengatakan ia sekadar menunjukkan kedudukan Sabah yang mempunyai tiga keuskupan, ia tidak mempunyai sebarang maksud politik.

Mengenai rasional PPWS, Fr Thomas menjelaskan terlebih dahulu bahawa PPWS merupakan persiapan untuk sebuah perhimpunan pastoral yang melibatkan semua keuskupan di Malaysia pada September 2026.

Beliau menjelaskan bahawa idea perhimpunan pastoral di peringkat Malaysia mulai muncul semasa Perhimpunan para Klerus Malaysia pada tahun 2018 dan mendapat perhatian para Uskup Malaysia sehingga muncullah gagasan Perhimpunan Pastoral Malaysia 2026.

Beliau juga menerangkan bahawa Perhimpunan Pastoral Semenanjung Malaysia dan Perhimpunan Pastoral Wilayah Sarawak telah berlangsung pada tahun lalu dan kedua-dua perhimpunan itu telah menghasilkan buah-buah menarik yang akan dibawa ke Perhimpunan Pastoral Malaysia (MPC) 2026.

Mengenai metodologi "Perbualan Dalam Roh" yang diperkenalkan sebagai proses



Para penapis jemputan ROK bergambar bersama Uskup Cornelius Piong dan DJ Beth. Dari kiri: Fr Thomas, Anna, Uskup Cornelius, DJ Beth dan Fr Roney.

sinodal, Sdri Anna menceritakan pengalamannya sendiri impak "Perbualan Dalam Roh."

"Perbualan dalam Roh membantu saya mendengar dengan hati. Perkongsian yang disampaikan bukan sekadar kata-kata tetapi ia berasal daripada Roh. Maka apa yang dikongsikan adalah autentik dan setiap suara didengari tanpa dihakimi. Pada akhirnya, hasil perkongsian dapat menawarkan tindak balas berdasarkan bagaimana Roh Kudus memimpin.

Ditanya mengenai umat yang bukan menyertai PPWS, apakah sumbangan yang dapat mereka lakukan?

Fr Roney menjelaskan bahawa sebenarnya meskipun ada umat yang tidak dapat menyertai PPWS tetapi mereka sudah terlibat di peringkat paroki dan komuniti umat Katolik. "Suara-suara mereka sudah didengar dan para perwakilan yang menyertai PPWS akan menyuarakan keprihatinan mereka di peringkat wilayah. Dan apabila para perwakilan PPWS kembali ke tempat masing-masing, mereka akan menyampaikan pengalaman dan maklumat terkini kepada umat masing-masing," kata Fr Roney.

Ketiga-tiga panel itu juga menerangkan empat keprihatinan pastoral PPWS dan MPC2026 iaitu Keluarga, Gereja, Masyarakat dan Ekologi — sudah berlaku

dan akan terus diusahakan di peringkat keuskupan masing-masing.

DJ Beth seterusnya mengajukan soalan mengapa Perjalanan Salib Malaysia dilancarkan pada hari terakhir PPWS.

Sdri Anna mengatakan meskipun Perjalanan Salib sudah dilancarkan pada hari keempat *Malaysia Catholic Youth Day* pada April 3 lalu tetapi ia penting dilancarkan di peringkat Sabah semasa PPWS kerana salib adalah lambang kemenangan di atas segala cabaran, dosa dan kelemahan manusia.

Tentang empat keprihatinan utama iaitu Keluarga, Gereja, Masyarakat dan Ekologi, ia sebenarnya sudah menjadi visi dan misi keuskupan, menjadi gaya hidup di tiga keuskupan serta program-program pastoral juga sentiasa menyelitkan kepentingan empat bidang utama tersebut.

Apabila soalan "Apakah imej Gereja Katolik di Sabah?" diajukan, Fr Roney mengatakan imej Gereja Katolik Sabah ialah berjalan bersama, bukan berlari. Perjalanan itu perlahan-lahan tetapi stabil.

"Mungkin para misionari pertama di Borneo sendiri tidak menyangka Gereja Katolik di Sabah sekarang begitu *vibrant* dan ketiga-tiga keuskupan ini, meskipun pentadbiran yang berbeza tetapi sentiasa berjalan bersama dan menuju ke destinasi kerajaan Bapa.

Keuskupan Agung Kuching lancar Perjalanan Salib

KUCHING: Keuskupan Agung Kuching melancarkan Salib Malaysia selepas Misa Hari Minggu Palma, April 13 oleh Uskup Agung Simon.

Dalam ucapannya, Uskup Agung Simon mengatakan, "Saudara seiman dalam Yesus Kristus, pada hari Minggu Palma ini adalah permulaan memasuki minggu suci sehingga Hari Minggu Paskah dan melangkah bersama kita pada hari ini ialah Perjalanan Salib Malaysia yang telah saya dan para belia bawa selepas *Malaysia Catholic Youth Day* di Kota Kinabalu pada Mac 31-April 6 lalu.

Uskup Agung Simon mengatakan bahawa Salib Malaysia telah diberkati oleh sembilan Uskup/Agung Malaysia dan setiap keuskupan diberikan sebuah Salib Malaysia.

"Inilah Salib Malaysia yang akan dibawa ke seluruh paroki, Gereja dan komuniti di seluruh keuskupan masing-masing," katanya.

"Pada hari ini, kali pertama kita, umat di Keuskupan Agung Kuching melihat dan mengalu-alukan Salib Malaysia yang akan bersama kita selama 18 bulan."

Salib Malaysia ini akan bersatu dengan lapang lagi Salib lain pada Perhimpunan



Pastoral Malaysia (MPC) pada tahun 2026 di pusat Majodi, Keuskupan Melaka Johor.

Uskup Agung Simon turut berterima kasih kepada para perwakilan belia yang membawa Salib Malaysia kembali ke Keuskupan Agung Kuching.

Katanya, tugas untuk membawa Salib

Malaysia ke seluruh pelusuk Keuskupan Agung Kuching diberikan kepada kaum muda.

Oleh sebab itu, prelatus itu mengajak kaum muda untuk berjalan bersama dengan Salib Malaysia di paroki, kampung, komuniti dan rumah panjang.

PENULIS BERKICAU

Terima kasih, maaf, please

Pada April 21, pada hari Isnin Paskah, Bapa Suci Fransiskus yang meskipun nampak letih tetapi tetap melakukan banyak perkara beberapa hari sebelum kematiannya, akhirnya menghembuskan nafas terakhir.

Ketika ini, terlalu banyak tulisan dan penghargaan untuk seorang figura yang amat disegani, Bapa Suci Fransiskus. Namun, sebagai seorang umat biasa yang terpesona kepada Sri Paus ini ketika beliau berlutut di hadapan dunia, memohon doa untuknya ketika beliau dilantik sebagai penerus Takhta Sto Petrus, 12 tahun yang lalu - saya tetap ingin mengatakan sesuatu mengenainya.

Sebagai seorang ibu, warisan berharga daripada Sri Paus Fransiskus yang akan saya turunkan kepada anak saya ialah tiga perkataan yang mudah tetapi susah dipraktikkan iaitu "Terima Kasih", "Maaf", dan "Tolong/Please".

"Kita mesti selalu berterima kasih kepada Tuhan, pada setiap saat," kata Sri Paus, pada tahun 2024, kepada sekumpulan kanak-kanak. "Sebelum tidur, fikirkan: Apa yang boleh saya ucapkan terima kasih kepada Tuhan hari ini?"

Dan kata "terima kasih" ini begitu dihidupi oleh Sri Paus Fransiskus hingga ke detik terakhir hidupnya.

Media Vatikan pada April 22 bahawa Bapa Suci banyak mengucapkan terima kasih kepada orang-orang di sekelilingnya, khususnya kepada perawat peribadinya, Massimiliano Strappetti.

Massimiliano Strappetti, seorang petugas kesihatan pernah menyelamatkan nyawa Sri Paus Fransiskus dengan mencadangkan pembedahan kolon, beliau kemudian dilantik oleh Bapa Suci pada tahun 2022 sebagai pembantu penjagaan kesihatan peribadinya.

Massimiliano, selama 38 hari di Hospital Gemelli Roma dan sepanjang masa semasa pemulihannya di Casa Santa Marta, sehinggalah detik terakhir Bapa Suci Fransiskus.

Semasa menyampaikan berkat Paskah, Bapa Suci bertanya kepada Massimiliano sama ada beliau dapat mengelilingi lebih 30 ribu penziarah yang berada di Dataran Sto Petrus dengan menaiki mobil kepausan.

Massimiliano meyakinkan Sri Paus bahawa beliau dapat melakukannya dan buat kali terakhir, Sri Paus dapat melambai serta memeluk anak-anak kecil.

Sungguhpun letih, Bapa Suci tetap mengucapkan terima kasih kepada Massimiliano kerana membawanya ke Dataran.

Kata "terima kasih" meskipun singkat tetapi menyerlahkan keperibadian Sri Paus Fransiskus yang sangat merendahkan hati.

Sejak menduduki takhta Santo Petrus, perspektif kepausannya sentiasa tertumpu kepada golongan terabai, miskin, warga tua, migran dan pelarian.

Kini, meskipun Sri Paus Fransiskus sudah tiada tetapi warisannya tetap hidup untuk beberapa generasi!

Damailah engkau di syurga Sri Paus Fransiskus, bersama Bapa Surgawi. Doakanlah kami yang masih berjuang meneruskan perjalanan ziarah di bumi.

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Anda boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my atau

WhatsApp: 011-26391498





Sri Paus Fransiskus dalam kenangan: 1936-2025

Fransiskus, penyokong tegar keamanan — PM Malaysia

KUALA LUMPUR: Ketua Gereja Roman Katolik, Sri Paus Fransiskus yang meninggal dunia pada April 21 lalu, akan dikenang bukan hanya sebagai Bapa Suci pertama bukan Eropah, tetapi juga sebagai pejuang moral dan keadilan dalam dunia yang serba mencabar.

Menerusi hantaran di laman Facebook pada April 21, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata komitmen Sri Paus Fransiskus ter-



hadap persefahaman antara agama, alam sekitar dan maruah golongan terpinggir seringkali bergema serta dilaungkan di luar Gereja Katolik.

“Sri Paus Fransiskus adalah penyokong tegar keamanan dan usaha beliau untuk membina jambatan yang merentasi agama serta budaya telah mendapat penghormatan ramai termasuk dunia Islam.

“Beliau berbicara dengan moral yang je-

las tentang kesengsaraan yang dialami di Gaza dan mengingatkan dunia bahawa kita harus menunjukkan sifat belas kasihan kepada semua mangsa keganasan tanpa mengira di mana mereka berada,” katanya.

Anwar berkata Sri Paus Fransiskus turut memperjuangkan maruah pendatang dan pelarian serta menggesa komuniti antarabangsa agar membela nasib mereka dengan kemanusiaan dan kesedaran.

Perdana Menteri berkata sumbangan Sri Paus Fransiskus semasa hayatnya dan ketabahan beliau mengingatkan kita kepada kata-kata William Shakespeare atau *The*

Bard: His life was gentle, and the elements so mix'd in him that Nature might stand up and say to all the world, 'This was a man.'

Secara peribadi, Anwar berkata beliau pernah diberi penghormatan untuk mengunjungi Sri Paus Fransiskus ketika berada di Vatikan.

“Bagi pihak kerajaan dan rakyat Malaysia, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi takziah kepada Takhta Suci serta penganut Katolik di seluruh dunia termasuk komuniti Katolik di Malaysia.

“Semoga legasi beliau berkekalan,” katanya. **Malaysiakini**

Jadilah seperti Sri Paus Fransiskus yang berani dalam hal Palestin — Mat Sabu

KUALA LUMPUR: Pemimpin Arab seharusnya mengambil iktibar daripada keberanian ditunjukkan Sri Paus Fransiskus dalam menyuarakan sokongan terhadap rakyat Palestin, kata Presiden Amanah, Mohamad Sabu.

Mohamad atau dikenali Mat Sabu berkata Fransiskus yang meninggal dunia pada April 21 lalu, tetap teguh menyokong rakyat Palestin ketika ramai pemimpin Arab

berdiam diri.

“Lebih daripada sekadar kata-kata, Sri Paus Fransiskus meniupkan semangat ke dalam jiwa penganut Katolik di Eropah dan seluruh dunia untuk bangkit menentang ketidakadilan.

“Beliau membuktikan bahawa menentang kekejaman regim Zionis bukan semata-mata isu politik atau agama, tetapi adalah perjuangan kemanusiaan yang melangkaui

batas sempadan dan kepercayaan,” katanya di *Facebook*.

“Alangkah eloknya jika pemimpin dunia Arab mampu berkaca pada keberanian seperti Fransiskus.”

Dalam kenyataan berasingan, beliau turut memuji komitmen mendiang ketua Gereja Katolik itu terhadap keamanan serta kecamannya terhadap pembunuhan beramai-ramai yang dilakukan oleh Israel di Gaza.

“Pemimpin agama tidak sepatutnya menjadi alas kaki kepada kerajaan yang telah hilang nilai kemanusiaan,” katanya kepada FMT ketika ditemui di Katedral St John, Kuala Lumpur.

Mohamad adalah sebahagian delegasi diketuai oleh Sekretariat Solidariti Palestin (SSP), sebuah kumpulan pro-Palestin, yang hadir memberi penghormatan kepada mendiang Fransiskus. **FMT**

Papa Fransiskus, berbahagialah engkau di syurga

Tidak sangka selepas dua tahun Sinode tentang Sinodaliti diadakan Bapa Suci Fransiskus meninggalkan kita buat selamalamanya.

Saya sangat-sangat diberkati dan bersyukur kerana diberikan peluang yang tidak akan ada dua kalinya untuk bertemu dengan peribadi luarbiasa seperti Bapa Suci.

Saya masih ingat lagi pada hari terakhir Sinode pada bulan Oktober 2024 lalu, saya bertemu dengan beliau dan berkata kepadanya *'I will miss you, Papa'* dan dia senyum kepada saya dan berkata *'Please pray for me.'*

Saya tahu pada waktu itu saya tidak akan bertemu dengan dia lagi. Ini yang akan saya rindui. Di sebalik keperibadiannya yang berani dan bersuara 'lantang' dia juga seorang yang lemah lembut, sabar dan mempunyai hati seorang hamba.

Semasa Sinode, ada di antara kami yang bersungut kerana duduk terlalu lama dalam dewan tetapi Bapa Suci tetap setia bersama dengan kami sehingga tamat.

Dia hadir di dalam dewan tanpa diumum, datang awal agar dapat memberikan masanya untuk bertemu dan berbicara pendek dengan para perwakilan Sinode.

Hampir setiap hari beliau bersama dengan kami. Saya tahu dia tidak akan mengingati saya selepas Sinode tetapi *I am nothing but grateful to meet him in person. I am so grateful and nothing can*

ever take that moment away from me.

Kehadirannya sudah terpahat di hati saya bukan dengan dakwat pen tetapi melalui semangat dan kasihnya.

Kali pertama saya melihat Bapa Suci Fransiskus ialah pada tahun 2015 semasa Asian Youth Day di Korea Selatan, namun pada masa itu saya hanya dapat melihat dia dari jauh sahaja.

Itu pun sudah cukup merasakan aura-nya yang kudus sehingga bercucuran air-mata saya. Apa lagi bertemu dengannya secara bertatap wajah pada tahun 2023, di mana Sinode fasa pertama bermula.

Semasa berbaris untuk bertemu dengannya, hati saya berdegup kencang, semakin menghampirinya semakin kuat dan apabila saya sudah berada di hadapannya saya langsung berlutut.

Bapa Suci berkata, *'please don't kneel'* dan terus memegang tangan saya untuk berdiri. *I know he is just an ordinary human being but I can really feel his holiness and love.*

Saya sungguh-sungguh percaya Bapa Suci tidak pernah meninggalkan doa kepada Tuhan dan Bunda Maria sejak beliau ditahbis menjadi paderi, sehinggalah pada detik terakhirnya kerana kehadiran Kristus dalam peribadinya begitu nyata.

Dalam ribuan pesannya, ada satu yang meninggalkan impak hebat di hati saya iaitu semasa World Mission Sunday 2018 iaitu

1. “Sayalah misi di Bumi: Inilah sebabnya mengapa saya berada di dunia ini”

(*Evangeli Gaudium*, 273)” dan

2. “Tidak ada orang yang terlalu miskin sehingga tidak dapat memberikan apa-apa. Pertama sekali dan paling utama, berikan diri anda sendiri ... Jangan fikir bahawa anda tidak ada apa-apa yang dapat diberikan atau tidak ada seorang pun yang memerlukan kamu. Ramai orang yang memerlukan anda. Fikirkan! Sematkan ini dalam hati kamu: Ramai orang memerlukan saya.”

Saya tidak akan mensia-siakan pengalaman ziarah saya ketika mengikuti Sinode pada tahun 2023 dan 2024.

Keberadaan saya di sana bukan satu kebetulan atau hanya mewakili suara-suara dari akar umbi akan tetapi saya ada misi!

Misi untuk terus menyebarkan kasih Kristus melalui laungan semangat sinodaliti yang harus diteruskan dan diperjuangkan. Bagi saya inilah legasi Sri Paus Fransiskus yang dia tinggalkan kepada saya secara peribadi untuk menjadi *a church that is bruised, hurt and dirty because it has been on the streets, rather than a church that is unhealthy being confined and clinging to its own security.*

Saya akan terus berusaha menjadi ‘pemegang tanda arah’ menuju jalan kepada Yesus seperti mana yang beliau telah lakukan.

Oh! Papa Francesco, pilunya hati saya atas pemergianmu namun yang pastinya *“You Are Home”* bersama Bapa di syurga.

Terima kasih atas dedikasi dan hati



Kenangan manis Anna bersama Sri Paus Fransiskus.

yang engkau telah berikan dalam misi yang telah dipercayakan kepadamu terutama sebagai Bapa Suci selama 12 tahun. Keberanian dan tindakanmu melangkaui segala ekspektasi dunia. Suaramu kepada yang miskin, migran, terluka dan terasing akan tetap kedengaran dan harapan untuk perdamaian akan tetap diperjuangkan.

Saya tidak tahu apa yang berlaku esok tetapi saya pasti Papa Francesco akan melihat dan mendoakan kita semua dari Syurga.

● Perkongsian daripada Anna Teresa Amandus dari Keuskupan Sandakan. Beliau merupakan perwakilan Malaysia ke Sinode dipilih secara peribadi oleh Sri Paus Fransiskus sebagai Ahli Mengundi (Voting Member) untuk Sinode Biasa para Uskup ke-16, pada 2023 dan Fasa II Sinode pada tahun 2024.